



Rujukan Kami : SUKNS(S)100-1/9/2( 80 )

Tarikh : 23 Julai 2021

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

Tuan,

**PENGOPERASIAN PEJABAT DI BAWAH PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN MENGIKUT FASA PELAN PEMULIHAN NEGARA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana tuan sedia maklum, YAB Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Kerajaan bersetuju dengan perubahan kadar peratusan kehadiran ke pejabat bagi sektor awam berdasarkan kepada perkembangan positif kadar vaksinasi Negara.
3. Sehubungan dengan itu, selaras dengan arahan Ketua Setiausaha Negara, bagi mengoptimumkan perkhidmatan Kerajaan, Ketua Jabatan perlu menentukan kehadiran pegawai yang diperlukan di pejabat seperti di Lampiran.
4. Pelaksanaan Bekerja Dari Rumah hendaklah berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 tahun 2020 - Dasar Bekerja Dari Rumah.
5. Arahan ini berkuatkuasa **mulai 23 Julai 2021**.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“BERSIH . MUFAKAT . SEJAHTERA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' DR. RAZALI BIN AB MALIK)**



 <b>PENGOPERASIAN PEJABAT KERAJAAN MENGIKUT FASA</b> <b>PELAN PEMULIHAN NEGARA</b>					
	<b>PKPD</b>	<b>FASA 1</b>	<b>FASA 2</b>	<b>FASA 3</b>	<b>FASA 4</b>
<b>KEHADIRAN</b> 	<b>i. 100% bekerja dari rumah</b>  *tidak termasuk <i>frontliners</i> , keselamatan, pertahanan dan penguatkuasaan.	<b>i. Maksimum 40% bekerja di pejabat</b>  <b>ii. 60% bekerja dari rumah</b>  *tidak termasuk <i>frontliners</i> , keselamatan, pertahanan dan penguatkuasaan.	<b>i. Maksimum 60% bekerja di pejabat</b>  <b>ii. 40% bekerja dari rumah</b>  *tidak termasuk <i>frontliners</i> , keselamatan, pertahanan dan penguatkuasaan.	<b>i. Maksimum 80% bekerja di pejabat</b>  <b>ii. 20% bekerja di rumah</b>  *tidak termasuk <i>frontliners</i> , keselamatan, pertahanan dan penguatkuasaan.	<b>i. 100% bekerja di pejabat</b>  <b>ii. Dibenarkan bekerja dari rumah bagi yang memerlukan</b>
<b>KAUNTER PERKHIDMATAN</b> 	<b>Ditutup sepenuhnya</b> (kecuali kaunter perkhidmatan kesihatan, balai polis dan di pintu-pintu masuk antarabangsa yang melibatkan perkastaman, imigresen serta kuarantin).	<b>Perkhidmatan kaunter beroperasi pada kadar 50%</b>  Kehadiran pelanggan secara temujanji.	<b>Perkhidmatan kaunter beroperasi pada kadar 60%</b>  Kehadiran pelanggan secara temujanji.	<b>Perkhidmatan kaunter beroperasi pada kadar 80%</b>  Dibenarkan kehadiran pelanggan tanpa temujanji.	<b>Perkhidmatan kaunter beroperasi sepenuhnya</b>  Dibenarkan kehadiran pelanggan tanpa temujanji.
<b>MESYUARAT</b> 	Secara dalam talian melalui medium yang selamat dan terjamin kerahsiaan.  Tiada perjumpaan atau aktiviti fizikal dibenarkan.	Secara dalam talian melalui medium yang selamat dan terjamin kerahsiaan.  Tiada perjumpaan atau aktiviti fizikal dibenarkan.	Secara dalam talian melalui medium yang selamat dan terjamin kerahsiaan.  Tiada perjumpaan atau aktiviti fizikal dibenarkan.	Dibenarkan secara hibrid (fizikal dan <i>online</i> ) dengan kapasiti 50% bilik mesyuarat.	Dibenarkan secara fizikal sepenuhnya namun digalakan mesyuarat secara <i>online</i> /hibrid.